

# Buletin

ACIS

Rabi'ulawal - Rabi'ulakhir 1444/ Oktober 2022

## *'Bystander Effect'?*

Melazimi Kehidupan Dengan  
Amal Soleh' 5

Peperangan Fizikal vs Serangan  
Biologi & Kimia 7

Adat Perkahwinan dalam  
Masyarakat Melayu di Malaysia 9



# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin  
(Rektor)

### Penasihat:

Siti Aishah binti Sokhibul Fadil  
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

### Editor:

Ahmad Faiz bin haji Ahmad Ubaidah  
Nasif Sidquee Pauzi

### Sidang Pengarang:

Nur Sofiah binti Suhaimi  
Dr. Mohd. Kamel bin Mat Salleh  
Husnul Rita Binti Aris  
Nur Dalila Safiyah Abdul Karim, Nor Aini Amina  
Ahmad Azizi & Dr. Mohamad Hasif Jaafar

### Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan artikel  
akademik atau apa-apa hasil karya?

Hantarkan ke  
[bulletinacisnsdk@gmail.com](mailto:bulletinacisnsdk@gmail.com)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS siri ke-48** pada bulan **Oktober 2022** yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini bertemakan “**‘Bystander Effect?’**”. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

## Isi Kandungan

‘Bystander Effect?’ 3

Melazimi Kehidupan Dengan Amal Soleh 5

Peperangan Fizikal vs Serangan Biologi & Kimia 7

Adat Perkahwinan dalam Masyarakat Melayu di Malaysia 9

eISSN 2600-8289



## HAKCIPTA

## TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan  
secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>



# 'Bystander Effect'?

Oleh:

**Nur Sofiah binti Suhaimi**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Dimensi nilai dalam sistem kehidupan kita pada hari ini kian berubah. Sikap saling memberi nasihat dan peringatan yang dahulunya menjadi manifestasi keprihatinan dan kasih sayang antara kita, kini ia terkadang disalah tafsir sebagai ruang yang menggugat kesejahteraan ukhuwah sesama kita. Sikap mengajak untuk bersama-sama membuat kebaikan yang tidak diikat dengan sebarang syarat pula sering ditunda dek kerana menanti kesempurnaan diri yang tidak mungkin mampu dicapai oleh kita. Manusia yang tidak lari daripada kelemahan dan kesilapan. Nilai kesediaan, kesegeraan dan kemurahan hati untuk saling membantu tidak lagi dilihat begitu mustahak, malah terkadang ia diganti pula dengan pelbagai persepsi yang dianggap hujah bagi membenarkan 'ketiadaan tindakan' daripada diri buat yang lain.

Peralihan sistem kehidupan bermasyarakat (kolektif) kepada bersifat individu (individualistik) bukanlah satu-satunya faktor yang mempengaruhi perubahan dimensi nilai kita pada hari ini. Bahkan, ia juga turut dipengaruhi oleh kesan 'bystander' (*bystander effect*). Kesan *Bystander* ini

merupakan perbahasan dalam bidang psikologi sosial. Definisi mudah bagi menjelaskan kesan *bystander* ini adalah ia merujuk kepada sebuah fenomena yang merujuk kepada apabila semakin ramai saksi yang terlibat dalam menyaksikan sesuatu tragedi itu, maka semakin rendah kebarangkalian saksi-saksi tersebut untuk melakukan sesuatu bagi membantu keadaan.

## Bagaimana ia bermula?

Pengkajian dan perbahasan mengenai kesan *bystander* ini bermula daripada sebuah **peristiwa pembunuhan seorang wanita berusia 28 tahun bernama Catherine (Kitty) yang telah diperkosa, dirompak dan dibunuh pada 13 Mac 1964**. Kejadian ini berlaku pada 3.20 pagi bertempat di Queens, New York. Berita ini telah dilaporkan oleh seorang wartawan yang bernama Rosenthal menerusi akhbar The New York Times dengan judulnya '*The Night That 38 Stood By As A Life Was Lost*' (New York Times, 1984).

Kejadian ini menyebabkan mangsa menjerit kesakitan kerana telah ditikam dan meminta pertolongan. Hal ini menyebabkan terdapat seorang daripada ahli kawasan kejiranannya tersebut melaungkan daripada jendela rumahnya dengan mengatakan '*Let that girl alone!*'. Kemudian, Moseley (penjenayah) berlalu pergi meninggalkan mangsa. Walaupun begitu, beliau kembali mendapatkan mangsa kerana beranggapan jiran itu akan kembali melelapkan mata setelah itu. Apa yang menjadikan ia tragis adalah kerana insiden ini diketahui oleh ramai pihak pada ketika itu dan ia turut berlaku dalam tempoh yang agak lama. Namun, tiada seorang

pun jiran yang tampil membantu untuk menyelamatkan mangsa. Polis hanya menerima aduan tersebut pada jam 3.50 pagi, iaitu setelah 30 minit kejadian itu berlaku daripada seorang pemanggil lelaki dengan pesanan beliau tidak mahu ‘terlibat’ dalam kes ini.



Pelbagai kajian telah dilakukan rentetan daripada peristiwa tragis ini. Pengkaji terawal adalah John Darley dan Bibb Latané yang telah dilaksanakan pada tahun 1968 di mana ia kemudiannya telah menghasilkan model. Model ini dinamakan sebagai ‘Decision Model of Helping’. Model ini menggariskan terdapat lima proses yang perlu dikenalpasti oleh saksi (*bystander*) sebelum memutuskan sama ada untuk membantu dalam keadaan kecemasan tersebut atau tidak.

**Lima proses** tersebut disenaraikan seperti mana berikut:

1. Menyedari dan mengenalpasti sama ada ia merupakan masalah.
2. Menafsirkan sama ada masalah tersebut dianggap kecemasan.
3. Memutuskan sama ada seseorang itu mempunyai tanggungjawab untuk bertindak.
4. Memutuskan bentuk bantuan (tindakan) yang boleh diberikan.
5. Bertindak untuk membantu.



Sumber: The New York Times Archives

Oleh yang demikian, hal ini menunjukkan bahawa fasa ‘bermain tarik tali’ itu berlaku dalam diri kita sama ada kita sedari atau tidak. Oleh itu, penulis ingin mengajak para pembaca budiman untuk berfikir bersama. Mudah-mudahan ia membantu kita untuk keluar daripada kemelut dalaman ini.

### Mari!

1. Jika kita berikan bantuan **sebelum** kita diminta untuk membantu, adakah ia salah?
2. Antara beranggapan sesuatu insiden itu kecemasan dan kita bantu, berbanding beranggapan insiden tersebut bukan kecemasan, kita tidak melakukan apa-apa namun ternyata ia membahayakan. Tanggapan yang manakah yang lebih bijak?
3. Antara tanggapan kemungkinan ‘ada orang lain akan bantu’ dengan keyakinan bahawa insan tersebut pasti akan dibantu (kerana kita telah melakukan sesuatu). Manakah yang lebih melegakan?
4. Adakah apabila kita tidak tahu bagaimana cara untuk membantu (tidak kompeten), boleh menjadi hujah buat diri untuk tidak melakukan apa-apa?
5. Adakah ‘masalah’ (yang perlu dibantu) itu hanya merujuk kepada perkara-perkara yang boleh menggugat kesejahteraan kehidupan seseorang di dunia (keperluan asasi) atau turut mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan kehidupan di akhirat (azab di kehidupan abadi)?



Sumber: Portal Rasmi Women’s Resources of Monroe County, Inc

Secara kesimpulannya, kesan ‘bystander’ ini jika tidak ditangani segera boleh menjadi barah dalam masyarakat moden pada hari ini. Barah yang menyebabkan manusia semakin hilang rasa tanggungjawab sosial dalam masyarakat, nilai belas kasihan, nilai prihatin, nilai kasih sayang seterusnya nilai kemanusiaan yang boleh menghambat kesejahteraan kehidupan kita bersama. Ayuh bersama kita lakukan sesuatu agar tragedi ‘Kitty Genovese’ ini tidak berulang.

Adakah Islam mampu memberi penyelesaian kepada kesan ‘bystander’ ini? Nantikan sambungannya!

# Melazimi Kehidupan Dengan Amal Soleh



Oleh:

**Dr. Mohd. Kamel bin Mat Salleh**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Ayat al-Quran mahupun al-Hadith sarat dengan pelbagai galakan agar setiap manusia sentiasa melazimi kebaikan dalam kehidupan sehari-hari. Neraca inilah yang menjadi pertimbangan kepada jatuhan bangunnya sebuah peradaban manusia. Lipatan sejarah jelas menunjukkan bahawa akhlak mulia setiap lapisan masyarakat menjadi teras kepada kemenangan dalam sebuah perjuangan. Merujuk kepada sebuah hadith yang amat masyhur, betapa Rasulullah S.A.W. pernah bersabda yang maksudnya *"Kota Kostantinopel (Istanbul sekarang) akan jatuh ke tangan orang Islam. Pemimpin yang menaklukinya adalah sebaik-baik pemimpin dan pasukan tenteranya adalah sebaik-baik tentera"* (Riwayat Ahmad).

Hanya selepas 800 tahun selepas sabdaan ini, ianya menjadi kenyataan apabila Sultan Muhammad al-Fateh berjaya menawan dan membuka kota itu dari tangan Kerajaan Rom. Pengkaji sejarah mendapati antara faktor terpenting yang membawa kepada kejayaan pembukaan kota itu ialah kebaikan akhlak dan perilaku bukan setakat pemimpin sahaja, malah rakyat secara keseluruhannya.

Bayangkan dalam puluhan ribu tentera itu, tidak seorang pun yang pernah meninggalkan solat fardhu sejak usia baligh, sebahagian sahaja yang pernah meninggalkan solat sunat rawatib, dan dari kalangan yang ramai itu, didapati hanya Sultan Muhammad sahaja yang tidak pernah meninggalkan solat malam sejak baligh.

Fenomena ini seharusnya membuka mata kita bahawa kebaikan itu mesti menjadi syarat utama membebaskan diri manusia daripada penzaliman dan kejahatan yang melingkungi persekitaran hidup manusia kini. Bagaimana mahu memastikan harta benda sentiasa terjaga jika kejadian pecah rumah dan samun bermaharajalela setiap hari. Harus bagaimana memastikan anak-anak muda remaja menjaga maruahnya sedang kerosakan nilai budaya masyarakat dipaparkan dalam media cetak dan elektronik sehari-hari?

Persoalan inilah yang harus dicari jawaban agar selama-lamanya manusia tidak hanyut berada dalam lingkungan yang tidak sihat, berbudaya negatif, berakhhlak yang tidak sopan dan hidup dalam acuan yang tidak Islam. Pelaksanaan kepada kebaikan datangnya dari hati dan dorongan dalaman yang kuat. Niat sahaja tidak cukup, malah mesti digerakkan melalui tindakan. Namun niat itu sendiri sudah mendatangkan pahala kepada si pelaku. Sehubungan dengan itulah, atas rahmat dan kasih sayang Allah, pasti akan memberikan balasan yang setimpal atas

niat dan keinginan hati seseorang. Ketinggian sifat Pengasih Allah S.W.T ini dikurniakan juga walaupun kebaikan itu tidak dilaksanakan, malah jika berniat untuk melakukan kejahanan, tetapi tidak ditunaikan juga akan diberi pahala oleh Allah S.W.T.

Dalam sebuah hadith Qudsi, Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud *"Sesungguhnya Allah telah menuliskan kebaikan dan kejahanan, kemudian Dia telah menerangkannya akan hal tersebut. Barangsiapa yang bercita-cita untuk melakukan kebaikan tetapi tidak dilakukannya, maka Allah akan menuliskan baginya satu kebaikan yang sempurna. Dan jika dia bercita-cita untuk membuat kebaikan dan melaksanakannya, maka Allah akan menuliskan baginya sepuluh sehingga 700 kali ganda kebaikan malah berlipat-lipat kali ganda. Barang siapa pula yang bercita-cita untuk melakukan kejahanan tetapi tidak beramat dengannya, maka Allah akan menuliskan baginya satu kebaikan, dan jika ia bercita-cita untuk melakukan kejahanan dan dilaksanakan kejahanan itu, maka Allah S.W.T hanya akan menuliskan baginya satu kejahanan sahaja"* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Hadith ini tidak sepatutnya menjadi hujah kepada ahli kejahanan untuk berbuat jahat, kononnya hanya akan tertulis satu kejahanan sahaja, tetapi ia harus menjadi perangsang dan motivasi agar sentiasa mengiasi diri dengan sifat dan akhlak yang mulia. Kejahanan tetap dinilai suatu yang mungkar walaupun ianya kecil, namun kebaikan itu dilihat amat besar walaupun dilakukan sedikit sahaja.

Amal soleh inilah sebenarnya pra syarat utama untuk menemui Allah di akhirat kelak dengan hati yang penuh ketundukan kepadaNya. FirmanNya dalam al-Quran yang bermaksud *"sesiapa yang ingin bertemu TuhanYa (di akhirat kelak), maka hendaklah ia melakukan amal soleh dan tidak mensyirikkanNya dalam setiap amal ibadahnya"* (al-Kahfi : 110).

Niat untuk melakukan kemungkaran dan kemudian diamalkan walaupun ditulis dengan satu kejahanan sahaja, boleh jadi juga nilai kejahanan itu akan dilipatgandakan bergantung kepada nilai kejahanan si pelaku. Justeru apabila sesuatu kejahanan dilakukan, dan si pelaku mengambil langkah bertaubat, nilai kejahatannya adalah tidak sama seperti pelaku maksiat yang tidak kunjung bertaubat,



malah terus bermaharajalela melakukan kemungkaran. Perhatikan maksud firman Allah yang berikut “*dan kalau Kami tidak memperkuat (hati) mu, nescaya kamu hampir-hampir condong sedikit kepada mereka. Kalau terjadi demikian, benar-benarlah Kami akan rasakan kepadamu (seksaan) berlipat ganda di dunia ini dan begitu (pula seksaan) berlipat ganda sesudah mati, dan kamu tidak akan mendapat seorang penolong pun terhadap Kami*” (al-Isra’ : 74-75).

Ayat ini memberi ancaman bahawa perlakuan dosa itu perlu dijauhkan supaya tidak menjadi satu perkara biasa yang diulang dan diulang. Begitu juga martabat kebaikan dan pahala yang dikurniakanNya juga bergantung kepada kualiti ket�aan itu dilakukan, semakin baik dan tinggi mutu ibadahnya, maka semakin meningkat pula ganjaran yang dikurniakan oleh Allah S.W.T.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“sesungguhnya Allah tidak menganiaya seseorang walaupun sebesar zarah, dan jika ada kebaikan sebesar zarah, nescaya Allah akan melipat gandakannya dan memberikan dari sisiNya pahala yang besar” (al-Nisa : 40).

FirmanNya lagi yang bermaksud “barangsiapa membawa amal yang baik, maka bagi dirinya (pahala) sepuluh kali lipat amalnya” (al-An'am: 160).

Dalam ayat yang lain, Allah S.W.T berfirman, maksudnya “perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai ada seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha Luas (kurniaaNya) lagi Maha Mengetahui” (al-Baqarah: 261).

Dalam Islam terdapat beberapa amalan yang jika dilakukan, pahalanya adalah berlipat kali ganda, tiada tujuan lain, anugerah ini diberikan kepada orang yang beriman melainkan sebagai motivasi untuk lebih beramal di samping melazimi kebaikan dalam setiap masa. Antara pekerjaan yang dimaksudkan ialah sedekah, seperti pahala yang dinyatakan dalam ayat di atas, puasa, berjihad di jalan Allah, solat berjemaah, bacaan al-Quran, menunaikan haji dan lain-lain.

Sebab amalan tersebut dilipat gandakan juga adalah menjadi satu persoalan yang perlu diketahui bersama akan jawabannya. Para ulama telah menggariskan beberapa faktor penyebab antaranya ialah :

1. Bergantung kepada keikhlasan seorang mukmin melakukan pekerjaan tersebut dan keelokannya melaksanakan ajaran Islam dalam kehidupannya. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud “*apabila seseorang kamu memperelokkan keislamannya, maka setiap kebaikan yang dilakukannya akan ditulis sepuluh kebaikan seumpamanya sehingga ke 700 kali ganda*” (Riwayat Muslim).
2. Bergantung kepada hajat dan keperluan amalan itu dilakukan dan kelebihan amalan itu seperti sedekah, jihad di jalan Allah, menunaikan haji, membantu kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin.
3. Bergantung juga kepada waktu ia dilakukan seperti dalam bulan Ramadhan, lailatul qadar dan musim haji. Begitu juga tempat amalan itu dilakukan seperti di Masjidil Haram, Padang Arafah, Masjid Nabawi dan Masjid al-Aqsa.  
**Justeru**, buatlah kebaikan samada untuk diri sendiri apatah lagi untuk manfaat orang lain demi untuk kesenangan hidup di alam akhirat nanti.  
Insyallah segala kebaikan itu ada pulangan yang baik di sisi Allah S.W.T.





# Peperangan Fizikal vs Serangan Biologi & Kimia

Oleh:

**Husnul Rita Binti Aris**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Apabila kita memikirkan tentang peperangan, hakikat sebenar peperangan ini terdiri daripada pelbagai jenis. Antaranya terdiri daripada serangan pemikiran, peperangan secara fizikal serta serangan secara biologi dan kimia. Di sini, penulis ingin memberikan contoh-contoh berkaitan jenis serangan atau peperangan terhadap umat Islam yang disedari atau pun tidak sedari sehinggalah kita termasuk ke kancang peperangan tersebut.

Tidak dinafikan bahawa keadaan hari ini, umat Islam banyak mengalami serangan pemikiran tanpa disedari seperti sekularisme, pluralism, saintisme, liberalism dan pelbagai lagi ideologi. Sebagai contoh baru-baru ini di sambutan pesta Halloween yang meriah telah disambut di Riyadh, Arab Saudi. Bandar Boulevard, Riyadh bertukar arena pesta kostum yang disambut pada 30 Oktober lepas. Para pelawat dibenarkan masuk ke Boulevard secara percuma dengan syarat mereka memakai pakaian yang menakutkan. Tujuannya adalah untuk menciptakan suasana yang penuh dengan kegembiraan serta melihat kreativiti warga Saudi yang menyambut perayaan tersebut. Hakikatnya dahulu kerajaan Arab Saudi sangat menjaga kesucian ajaran Islam. Sebarang perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam, pasti mereka tidak terima masuk ke tanah Arab Saudi.

Namun, ianya berubah selepas pemerintahan Muhammad bin Salman, pada pandangan penulis beliau banyak membawa masuk perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam seperti konsert, wayang, kebebasan membuka aurat dan lain-lain lagi di tanah Arab ini.

Apabila penulis menganalisis, beliau sangat menyokong pemikiran Barat sehingga menolak hujahan-hujahan para ulama' terhadap perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam. Ini merupakan salah satu jarum serangan pemikiran yang berlaku di tanah Arab kini.

Maka benarlah apa yang Allah SWT telah memperkatakannya dalam al-Quran berkaitan sifat musuh Islam, firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 120 bermaksud "*Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan senang kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka. Katakanlah: "Sesungguhnya petunjuk Allah itulah petunjuk (yang benar)". Dan sesungguhnya jika kamu mengikuti kemahuan mereka setelah pengetahuan datang kepadamu, maka Allah tidak lagi menjadi pelindung dan penolong bagimu"*"

Selain itu, dalam hadith Rasulullah SAW bermaksud "*Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka mereka tergolong dalam golongan itu*" (Hadith Riwayat Abu Daud, no hadith 4031).

Manakala peperangan secara fizikal pula banyak terjadi di negara-negara Islam yang dijajah oleh musuh Islam seperti di Palestin, umat Islam menghadapi peperangan demi peperangan setiap hari. Sebagai contoh tentera Israel berani menyerang umat Islam yang sedang solat Jumaat di masjid al-Aqsa. Ini menjadikan kemarahan kepada umat Islam Palestin untuk melawan balik perbuatan mereka. Selain itu, baru-baru ini 2 orang rakyat Palestin cedera semasa serbuan Israel di timur Baitulmaqdis. Ianya bermula apabila polis Israel menyerbu masuk rumah rakyat Palestin yang bernama Barakat Ouda di bandar al-Azariya telah mencetuskan pertempuran di sekitar rumah itu.

Manakala salah seorang askar Israel cuba melanggar seorang pemuda Palestin semasa pertempuran di sekitar rumah Ouda yang ditembak mati selepas operasi merempuh kereta berhampiran Jericho. (<https://palestinkini.info/>)

Apabila dianalisa, rakyat Palestin telah banyak terkorban dalam peperangan secara fizikal sejak dahulu lagi apabila Israel cuba merampas tanah rakyat Palestin dengan melakukan serangan fizikal, pembunuhan beramai-ramai, menembak rakyat Palestin tanpa tujuan, serangan hendap, mengubah negara Palestin kepada negara Israel secara haram, menguasai kebanyakan tanah rakyat Palestin, seterusnya pengiktirafan oleh Amerika Syarikat terhadap penubuhan negara haram Israel tanpa belas kasihan dan lain-lain lagi. Akhirnya tanah rakyat Palestin hanya tinggal beberapa peratus sahaja dimiliki oleh mereka terutama di Tebing Barat.

Tidak dinafikan bahawa serangan fizikal tersebut amat memeritkan kerana ianya melibatkan senjata fizikal, anggota badan, darah, nyawa dan kematian.

Serangan ketiga adalah melibatkan serangan secara biologi dan kimia. Ini telah dinyatakan oleh World Health Organization (WHO) bahawa senjata biologi dan kimia terdiri daripada mikroorganisma seperti virus, bakteria atau kulat, atau bahan toksik yang dihasilkan oleh organisme hidup dan dibebaskan dengan sengaja untuk menyebabkan penyakit dan kematian pada manusia, haiwan atau tumbuhan.

Agen biologi seperti antraks, toksin, botulinum dan wabak akan menimbulkan masalah kesihatan awam yang sukar menyebabkan sejumlah besar kematian dalam masa

yang singkat. Selain itu, agen biologi yang berkeupayaan membawa penularan sekunder boleh membawa kepada pelbagai wabak. Serangan yang melibatkan agen biologi mungkin meniru kejadian semula jadi, yang mungkin merumitkan penilaian dan tindak balas kesihatan awam. Dalam kes peperangan dan konflik, makmal patogen berisiko tinggi boleh disasarkan, yang mungkin membawa kepada akibat kesihatan awam yang serius dan meluas.

Tambahan lagi, senjata biologi membentuk subset kelas senjata yang lebih besar kadangkala dirujuk sebagai senjata bukan konvensional atau senjata pemusnah besar-besaran, yang juga termasuk senjata kimia, nuklear dan radiologi. Penggunaan agen biologi adalah kebimbangan serius, dan risiko menggunakan agen ini dalam serangan pengganas dianggap semakin meningkat ([https://www.who.int/health-topics/biological-weapons/#tab=tab\\_1](https://www.who.int/health-topics/biological-weapons/#tab=tab_1)).

Ini menunjukkan bahawa jenis-jenis peperangan atau serangan akan dilakukan oleh musuh Islam sama ada secara langsung atau pun secara tidak langsung. Amat perlu seseorang Muslim mempunyai ilmu sama ada ilmu dalam peperangan, ilmu teknologi, ilmu pemikiran, ilmu biologi, ilmu kimia dan lain-lain lagi agar umat Islam tidak ditipu ataupun diperangi tanpa disedari apakah lagi kita berada di fasa akhir zaman ini. Tidak dinafikan, pelbagai ilmu dan teknologi kecanggihan telah dibangunkan oleh pelbagai negara, namun, adakah tujuannya kepada kebaikan atau sebaliknya? Marilah kita fikirkan...



# Adat Perkahwinan dalam Masyarakat Melayu di Malaysia

Oleh:

**Nur Dalila Safiyah Abdul Karim**

Pelajar Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

**Nor Aini Amina Ahmad Azizi**

Pelajar Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

**Dr. Mohamad Hasif Jaafar**

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

## Pengenalan

Perkahwinan merupakan perkara penting dalam pembentukan keluarga yang kemudiannya membentuk sebuah masyarakat dalam sesbuah daerah, negeri dan seterusnya negara. Menurut Islam, perkahwinan merupakan sunnatullah yang umum dan berlaku pada semua makhluk-Nya, baik pada manusia, haiwan maupun tumbuh-tumbuhan. Ia adalah suatu cara yang dipilih oleh Allah S.W.T. sebagai jalan bagi makhluk-Nya untuk berkembang biak dan melestarikan hidupnya.

Perkahwinan adalah sebagai undang- undang atau proses yang dikenali sebagai adat dalam masyarakat Melayu. Sebagaimana firman Allah swt dalam surah Al-Baqarah ayat 187 yang bermaksud "Mereka (isteri) itu pakaian kamu (suami) dan kamu pakaian mereka". Bagi masyarakat Melayu adat perkahwinan berfungsi sebagai panduan tingkah laku dalam melaksanakan upacara perkahwinan.

## Merisik

Permulaan proses perkahwinan ialah merisik atau menengok. Biasanya dilaksanakan oleh keluarga pihak lelaki khususnya ibu bapa. Setelah teruna dan keluarganya berkenan dengan gadis yang dipilih, usaha merisik dijalankan untuk mengetahui samada gadis itu sudah berpunya atau tidak. Menurut adat resam perkahwinan Melayu, ibu bapa akan mengendalikan tugas memilih pengantin perempuan untuk anak lelaki mereka dengan teliti. Antara sifat-sifat yang paling dikagumi oleh bakal mertua pada zaman dahulu dan sebahagian bakal mertua pada zaman kini ialah kemahiran rumah tangga seperti memasak dan menjahit. Bagaimanapun, pencapaian yang paling disanjung ialah keupayaan anak dara untuk membaca al-Quran dengan fasih dan merdu. Pada zaman dahulu, tidak terdapat sebarang pencapaian pendidikan ketika itu. Namun pada masa kini, pendidikan agak dititkeratkan oleh bakal mertua kerana ia akan mempengaruhi kehidupan mereka selepas bernikah.

## Meminang

Meminang gadis hanya dilakukan bila pihak gadis tersebut menyatakan persetujuannya. Tugas meminang biasanya dilakukan oleh wakil kedua-dua belah pihak, biasanya ketua-ketua adat dan syarak. Perkara-perkara yang dibincangkan semasa upacara peminangan ialah hantaran belanja, persalinan dan tempoh bertunang. Pada zaman silam, dan pada takat yang tidak begitu biasa pada hari ini, adat menghantar tanda mendahului adat menghantar mas kahwin dan belanja, khususnya jika upacara melangsungkan perkahwinan ditangguhkan selama beberapa bulan. Tanda itu biasanya adalah dalam bentuk cincin emas atau berlian, dengan nilainya bergantung kepada kehendak hati serta keupayaan kewangan keluarga lelaki. Tanda itu biasanya diiringi oleh hadiah-hadiah yang lain kepada bakal pengantin perempuan. Penghantaran tanda biasanya disertai dengan majlis kenduri oleh kedua-dua keluarga.

### Berinai

Istiadat berinai terdiri daripada tiga peringkat iaitu berinai curi, berinai kecil dan berinai besar. Berinai curi diadakan pada waktu petang hari selepas hari yang tangan dan tapak kaki bakal pengantin perempuan diinai. Bakal pengantin perempuan dihiasi dan didudukkan di atas pelamin. Berinai kecil diadakan pada waktu petang hari selepas berinai curi. Kaedahnya sama sahaja dengan berinai curi. Istiadat berinai besar pula bermula dengan para tetamu lelaki naik ke pelamin, satu demi satu, untuk membuang sedikit nasi kunyit pada sebelah kiri kanan pengantin lelaki. Istiadat ini biasanya dilakukan oleh semua tetamu yang minat, tetapi bilangan mereka harus merupakan bilangan ganjil dan bukannya genap. Ketika tetamu lelaki telah siap, para tetamu perempuan akan turut menjalankan istiadat ini dengan cara yang sama.

## **Bersanding**

Bersanding bermaksud duduk bersebelahan di satu tempat yang istimewa. Amalan ini dianggap kemuncak majlis perkahwinan dalam adat resam perkahwinan orang Melayu. Tujuan asal majlis bersanding ini ialah untuk memperkenalkan pengantin yang bergelar raja sehari kepada orang ramai. Memang seharusnya mereka diperkenalkan sebagai pasangan suami isteri. Lebih-lebih lagi kebanyakan tetamu yang datang ke majlis walimah itu adalah bertujuan melihat dan menatap wajah pasangan raja sehari. Sekuntum bunga telur akan diberi sebagai cenderahati. Selepas bersanding, acara seterusnya ialah makan beradab. Selepas itu, sesi potong kek dan sesi bergambar bersama-sama keluarga akan diadakan. Bersanding di rumah pengantin lelaki biasanya diadakan seminggu selepas majlis di rumah pengantin perempuan. Acara yang diadakan hampir sama dengan acara semasa di rumah pengantin perempuan, tetapi lebih ringkas.



## **Adat Perkahwinan Mengikut Adat Perpatih**

Dalam proses mendirikan sebuah keluarga, terdapat beberapa pantang larang dan peraturan yang perlu dipatuhi mengikut adat yang diamalkan. Bagi adat perpatih, mereka mlarang perkahwinan dengan suku yang sama kerana mereka beranggapan bahawa hubungan antara suku yang sama adalah sangat rapat dan bersaudara. Oleh itu, hanya perkahwinan dengan suku yang lain sahaja yang dibenarkan.

Terdapat beberapa suku yang terdapat di dalam adat perpatih ini. Antaranya ialah Biduanda (Dondo), Batu Hampar (Tompar), Mungkal, Paya Kumboh (Payo Kumboh), Tiga Neneh, Batu Belang dan lain-lain lagi. Apabila sudah berkahwin, suami kepada pengantin perempuan akan digelar Orang Semenda yang bermaksud orang yang sudah berkahwin dan adat ini melarang saudara-mara dari sebelah perempuan untuk masuk campur apabila terdapat perselisihan faham atau pergaduhan yang berlaku antara suami isteri. Akhir sekali, apabila pasangan tersebut ingin mendirikan rumah, suami tersebut hendaklah mendirikan rumah di atas tanah milik isterinya kerana secara automatik, rumah itu akan menjadi milik isteri. Hal ini demikian kerana, adat perpatih mengamalkan sistem matrilineal iaitu mementingkan kaum wanita dalam semua aspek. Proses perkahwinan mereka juga akan berlainan dengan adat Temenggung kerana semasa berlangsungnya sesi pertunungan, lelaki tersebut perlu memberikan cincin kepada kakak perempuan jika masih belum berkahwin sebagai tanda pemberian hadiah.

## **Adat Perkahwinan Mengikut Adat Temenggung**

Bagi adat Temenggung pula, adat temenggung lebih mudah dan kurang pantang larangnya. Peraturannya ialah lelaki dibenarkan berkahwin dengan sesiapa sahaja yang mereka mahukan tetapi hendaklah mengikut syariat Islam. Apabila sudah berkahwin, isteri tersebut perlu mengikut suaminya untuk tinggal bersama-sama keluarganya ataupun di rumah sendiri.